



NAIB Cancellor Universiti Putra Malaysia (UPM), Datuk Dr. Nik Mustapha Abdullah (dua dari kiri) bertukar dokumen MoU dengan Pengarah Urusan Sunzen Biotech Berhad, Dr. Tan Kim Sing (dua dari kanan) sambil disaksikan oleh Prof. Madya Dr. Bashir Ahmad Fateh Mohamed (kiri) dan Pengarah Eksekutif Sunzen Biotech Berhad, Dr. Kok Poe Chu (kanan) selepas majlis menandatangani perjanjian MoU untuk penyelidikan dan pembangunan produk kesihatan haiwan di UPM, Serdang baru-baru ini.

Gambar MOHD NOOR AMIN

# UOM dan Sunzen jalin kerjasama

JIKA dulu institut pengajian tinggi hanya sinonim dengan tugas-tugas pengajaran dan penyelidikan tetapi kini Universiti Putra Malaysia (UPM) telah mengorak langkah bekerjasama dengan syarikat swasta bagi mengkomersialkan hasil penyelidikan mereka kepada masyarakat.

Terkini, UPM menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan sebuah syarikat yang mengeluarkan produk kesihatan bagi haiwan ternakan Sunzen Biotech Berhad (Sunzen Biotech). Majlis berlangsung di kampus UPM, Serdang, Selangor.

Naib Canselor UPM, Datuk Dr. Nik Mustapha Raja Abdullah berkata, kerjasama penyelidikan dan pembangunan (R&D) telah terjalin sejak sekian lama bermula 1978.

“Dalam tempoh berkenaan 14 projek telah berjaya ditamatkan yang dijangka akan dapat meningkatkan lagi produktiviti dalam industri ternakan negara ini.

“Ini menunjukkan UPM sedar dan akan terus menjalankan penyelidikan bagi memenuhi keperluan industri,” katanya semasa majlis menandatangani MoU antara UPM dan Sunzen Biotech di Serdang, Selangor.

MoU berkenaan diadakan bagi mengeratkan kerjasama yang telah sedia ada antara UPM dan Sunzen Biotech

terutama dalam R&D produk kesihatan ternakan berkaitan dengan keselamatan makanan, kebersihan ladang, pencemaran dan imunisasi.

Hasil R&D berkenaan dijangka mempunyai potensi besar untuk dikomersialkan yang memberikan faedah kepada UPM dan Sunzen Biotech.

Pengerusi dan Pengarah Urusan Sunzen Biotech, Tan Kim Seng berkata, kerjasama yang terjalin sejak sekian lama dengan UPM bermula dengan Pfizer bagi menjalankan kajian mengenai ubatan *anticoccidial*.

“Selepas itu kami mula *membangunkan produk sendiri - Orgacids* - makanan tambahan ternakan pengganti antibiotik yang kemudiannya dipasarkan dan mendapat permintaan yang menggalakkan di luar negara.

“Satu lagi produk yang mendapat sambutan menggalakkan adalah *mamimune* iaitu makanan tambahan yang memberikan tenaga kepada haiwan muda,” katanya.

Tan berkata, kerjasama dengan UPM bukan hanya terhad kepada kerja penyelidikan tetapi dua pengarah dan veterinar Sunzen Biotech merupakan graduan UPM.

Beliau menambah, Sunzen Biotech merupakan antara beberapa syarikat yang mengeluarkan produk kesihatan ternakan dan memberi tumpuan kepada aktiviti R&D.

“Bagi bersaing dalam pasaran yang kompetitif, kami perlu membangunkan

lebih banyak produk yang dapat memenuhi permintaan pelanggan dalam industri ternakan ruminan dan unggas.

“Kami memberikan perhatian kepada produk yang mesra kepada kedua-dua penternak dan ternakan, tidak memberikan kesan misalnya residue

antibiotik,” katanya.

Produk yang dihasilkan juga perlu berpotensi dipasarkan dan mempunyai nilai komersial, justeru Sunzen Biotech memerlukan bantuan UPM yang mempunyai semua kemudahan penyelidikan dan kumpulan penyelidik yang berpengalaman.